



KENYATAAN MEDIA

REMEMBRANCE DAY 2025

9 NOVEMBER 2025 (AHAD) –Remembrance Day atau Hari Peringatan Perang ini akan disambut pada 11 November atau pada minggu kedua bulan November setiap tahun. Pada tahun ini, Remembrance Day diadakan pada 9 November 2025 bertempat di Labuan War Cemetery, Jalan Tanjung Batu, Wilayah Persekutuan Labuan.

Upacara yang diadakan ini adalah bagi memperingati anggota tentera negara-negara Komanwel yang terkorban semasa Perang Dunia Kedua seramai 3,908 anggota yang menentang tentera Jepun di sekitar Borneo.

Upacara ini juga turut diiringi dengan bacaan doa di tiga kawasan berasingan mengikut agama tentera yang disemadikan iaitu tentera Islam, Kristian dan Hindu atau Sikh.

Selain itu, majlis ini juga dilengkapi dengan upacara ketenteraan iaitu tatacara pertukaran Virgil Guard dan Last Post, Two Minutes Silence dan Reveille. Upacara kemuncak bagi majlis ini adalah peletakan kalungan bunga oleh para tetamu kehormat dan diplomat luar dan dalam negara yang hadir.

Acara ini diadakan bagi memperingati perajurit-perajurit yang terkorban semasa Perang Dunia Kedua. Majlis ini akan dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi atau wakil Pesuruhjaya Tinggi khasnya dari Negara-Negara Komanwel berserta keluarga perajurit-perajurit yang turut sama hadir di upacara tersebut.

Majlis ini dimulakan dengan pergerakan masuk pasukan Pancaragam PDRM Cawangan Kontinjen Sabah yang akan mengiringi Virgil Guard / Guard of Honour yang melibatkan pasukan keselamatan seperti TUDM, TDM, TLDM dan PDRM.

Ketibaan VIP akan diberikan tabik hormat daripada Guard of Honour yang terdiri daripada Tetamu-tetamu Kehormat iaitu:

- Brigedier Jeneral Koey Tan Chai, Ketua Staf MAWILUD 2 (Wakil Panglima Wilayah Udara 2)
- Brigedier Jeneral Hamidi bin Hasmin, Komander Pangkalan Udara Labuan
- Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei, Ken O'Flaherty
- Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Brunei, Michael Hoy
- Penasihat Pertahanan Australia ke Malaysia, Colonel Corey Shillabeer
- Penasihat Pertahanan Australia ke Brunei, Colonel Paul Sanderson
- Penasihat Pertahanan British ke Brunei, Captain Jonathan Caple
- Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Encik Simsudin Sidek

Majlis ini juga diteruskan dengan pertukaran Vigil Guard bersama Tentera Australia. Remembrance Day kali ini turut disertai oleh Tentera British.

Disediakan oleh :

PERBADANAN LABUAN

9 NOVEMBER 2025